

**KAJIAN TERHADAP PENGGUNAAN  
LAMAN WEB ISLAM DI KALANGAN MAHASISWA/I  
IJAZAH SARJANA MUDA SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR**

**oleh  
NOR AZLINA BINTI ISMAIL**

**Laporan yang diserahkan untuk memenuhi keperluan  
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Maklumat (HONS)  
(Pengurusan Sistem Maklumat)  
Sessi April 2001**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
KANDUNGAN	I-II
PENGHARGAAN	III-IV
ABSTRAK	V
DAFTAR JADUAL DAN RAJAH	

### **BAB 1 : PENDAHULUAN**

---

1.1	PENGENALAN PENYELIDIKAN	1-3
1.2	OBJEKTIF PENYELIDIKAN	4
1.3	KEPENTINGAN PENYELIDIKAN	5
1.4	SKOP PENYELIDIKAN	6-10
1.5	DEFINISI ISTILAH	11-13
1.6	PERNYATAAN MASALAH	14-15
1.7	PERSOALAN PENYELIDIKAN	16-17

### **BAB 2 : ULASAN PENULISAN**

---

2.0	ULASAN PENULISAN	18-25
-----	------------------	-------

### **BAB 3 : KAEADAH PENYELIDIKAN**

---

3.1	POPULASI DAN PERSAMPELAN	26-27
3.2	BENTUK PENYELIDIKAN	28-29
3.3	ALAT PENYELIDIKAN	30-31
3.4	PENGUMPULAN DATA	32
3.5	PEMPROSESAN DATA DAN PENGANALISAAN	33-34

## **PENGHARGAAN**

---

Assalamualaikum W.T.B.....

Di dalam usaha menjalankan penyelidikan ini, penyelidik terlebih dahulu mengucapkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kehadrat ILAHI kerana dengan limpah dan kurnianya akhirnya penyelidik dapat menyelesaikan laporan penyelidikan ini. Di sini penyelidik ingin merakamkan jutaan ucapan terima kasih dan jutaan penghargaan kepada individu perseorangan yang terlibat dan pihak-pihak tertentu yang sudi memberikan kerjasama dan tunjuk ajar sehingga penyelidikan ini berjaya dilaksanakan.

Penyelidik ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada ayahanda Ismail Bin Sulaiman dan bonda Siti Asmah Binti Dahlan, kerana berkat doa dan kesabaran ayahanda dan bonda mendidik penyelidik sehingga penyelidik memiliki sesuatu yang penyelidik tiada suatu waktu dahulu.

Tidak dilupakan juga buat penyelia penyelidikan iaitu iaitu Encik Husain Bin Hashim yang telah banyak membantu penyelidik untuk menyelesaikan penyelidikan ini. Tidak sedikit ilmu yang dicurahkan oleh beliau untuk penyelidik. Segala bentuk bantuan, tunjuk ajar, bimbingan serta curahan pengalaman telah diberikan oleh beliau di dalam membimbing penyelidik sehingga penyelidikan ini berjaya dilaksanakan.

## ABSTRAK

---

Penyelidikan ini dilakukan untuk membuat kajian terhadap penggunaan laman Web Islam di kalangan para mahasiswa/i Ijazah Sarjana Muda Jabatan Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur. Segala bentuk penemuan telah penyelidik rumuskan dalam bentuk peratusan untuk memudahkan rujukan di masa-masa akan datang. Bagi membuktikan penemuan daripada penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan carta pai, carta bar dan jadual. Melalui penyelidikan ini didapati sebanyak 66.60% pelajar kerap menggunakan laman Web Islam iaitu setiap 2-3 hari sekali. Sebanyak 78% dari pelajar menggunakan World Wide Web (WWW) untuk mengakses maklumat Islam di internet. Para pelajar menggunakan Al Quran dan Al Hadith sebagai sumber maklumat Islam yang paling sahih. Analisa jawapan juga mendapati mereka kerap mengakses sumber ini untuk mendapatkan maklumat. Dari penyelidikan yang telah dilakukan dapat dirumuskan bahawa para pelajar gemar mengakses laman Web Islam kerana laman Web Islam lebih mudah diakses berbanding alat rujukan bercetak biasa. Ciri-ciri internet yang lebih *user friendly* dan maklumat yang lebih terkini memudahkan pencarian maklumat Islam berbentuk ilmiah. Sebanyak 71% pelajar berpuas hati dengan maklumat Islam yang diakses dan menjadikan laman Web Islam sebagai alat rujukan untuk menyiapkan tugas kuliah. Enjin pencarian yang paling popular di kalangan pelajar ialah Jaring.my dan laman Web Islam yang paling popular diakses oleh pelajar ialah <http://www.islam.de/>. Penyelidikan ini juga mendapati para pelajar juga berasa bimbang jika terdapat bahan ilmiah yang telah terpesong mutu keislamannya dan tertipu dengan penulis orientalis barat. Permasalahan yang biasa terjadi juga menyebabkan mereka gagal mengakses maklumat dengan baik. Ini adalah kerana masa yang tidak mencukupi dan maklumat yang sentiasa berulang juga menyebabkan mereka tidak dapat mencapai tahap kepuasan ketika mengakses maklumat Islam di laman Web Islam. Penyelidikan ini juga telah berjaya menghasilkan beberapa cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan internet khususnya laman Web Islam untuk dimanfaatkan bersama.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

---

#### 1.1 Pengenalan Penyelidikan

Teknologi Maklumat yang menggabungkan bidang elektronik, perkomputeran dan telekomunikasi memberikan kesan yang amat menakjubkan kepada cara hidup manusia. Kepentingan Internet sebagai sumber rujukan boleh menggantikan bahan-bahan rujukan lain seperti buku, jurnal, CD-ROM, majalah dan lain-lain.

Internet adalah suatu jaringan utama yang menghubungkan ribuan jaringan yang lebih kecil di seluruh dunia. Ia secara asasnya boleh menyalurkan maklumat antara sesama jaringan menerusi talian telefon dengan perantaraan modem dan set komputer. Maklumat ini disalurkan sama ada melalui mel elektronik, *World Wide Web (WWW)*, atau halaman Web, *newsgroup*, *mailing list*, *Internet Relay Chat (IRC)* dan sebagainya. Ringkasnya, internet merupakan suatu jaringan maklumat global yang menghubungkan jutaan sumber maklumat secara atas talian melibatkan hampir sebahagian besar negara-negara di dunia.

Pada persepsi Islam, kelahiran internet sebagai teknologi moden yang tidak lebih daripada sebuah alat bantu urus maklumat sahaja. Namun aspek maklumat sebagai entiti utama tidak boleh dipinggirkan meskipun elemen teknologi lebih popular pada umumnya. Islam tidak pernah menolak sebarang pencapaian kemajuan, malah menggalakkan lagi agar umatnya mencari kemewahan dan keselesaan hidup di dunia dengan sebaiknya. Umat Islam sebelum ini sudah pun melangkah lebih jauh ke hadapan dengan pengasasan era ilmu bermula dari zaman Rasulullah S.A.W, sehingga lah